



اَوْنُوْرَسِيْتِي تِي كُوْلُوْمِي مَارَا

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PROF. MADYA ROSLAN BIN AB. RAHIM
KOORDINATOR MASMED & PENSYARAH FAKULTI PENGURUSAN
PERNIAGAAN UITM KELANTAN

OLEH:

SHAMSIAH BINTI SUAIMI

2011817234

NUR FITRAYANNI BINTI RASIK

2011891424

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PROF. MADYA ROSLAN BIN AB. RAHIM
KOORDINATOR MASMED & PENSYARAH FAKULTI PENGURUSAN
PERNIAGAAN UITM KELANTAN

OLEH:

SHAMSIAH BINTI SUAIMI

2011817234

NUR FITRAYANNI BINTI RASIK

2011891424

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)

ISI KANDUNGAN

TITLE	PAGE NO
Penghargaan.....	i
Biodata Tokoh.....	iii
Pengenalan.....	vi
Transkrip	
Transkrip	1-39
Lampiran	
Surat kebenaran	
Surat Perjanjian	
Senarai soalan	
Gambar	
Sijil penghargaan	

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh. Terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Perbagai kekangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran dan pertolongan dari-Nya, kami dapat mengatasi segala masalah yang melanda.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih khasnya kepada pensyarah kami untuk subjek IMR 604 – Oral Documentation (Pendokumentasian Lisan), Puan Kamariah Binti Chik yang telah mencurahkan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan member kami segala tunjuk ajar untuk menyiapkan projek ini.

Kepada tokoh yang kami hormati, Professor Madya Roslan Bin Ab Rahim terima kasih kami ucapkan kerana dapat bekerjasama dan berkongsi pengalaman dan ilmu yang sangat bermakna buat kami. Banyak pengalaman dan tunjuk ajar yang di beri kepada kami sepanjang sesi temubual berlangsung.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan tunjuk ajar dan dorongan sepanjang proses penghasilan projek transkrip temubual ini. Sekian, terima kasih.

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



1.	Nama Penuh :	Roslan Bin Ab Rahim
2.	Alamat :	Kota Bharu, Kelantan
3.	Kelahiran :	09.07.1961
4.	Jantina :	Lelaki
5.	Bangsa :	Melayu
6.	Pendidikan:	Sekolah Sultan Ismail I Sekolah Menengah Sultan Ismail II Sekolah Menengah Kota Bharu
7.	Keluarga :	Adik-beradik : 10 orang Isteri : Nik Nor Hashimah Binti Nik Ismail Anak : 4 orang

8.	Hobi :	Melancong, bercucuk-tanam
9.	Kerjaya :	Koordinator MASMED Pensyarah Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM
10.	Sumbangan :	Berkhidmat sebagai pensyarah di UiTM Machang Kelantan selama 28 tahun. The Best Author 2013

PENGENALAN

PENGENALAN

Secara umumnya, tokoh yang telah diwawancara kami, iaitu Prof. Madya Roslan Bin Ab Rahim merupakan pensyarah yang berpengalaman dan telah lama berkhidmat di bawah Fakulti Pengurusan Perniagaan. Beliau mempunyai pengalaman selama 28 tahun dalam bidang keusahawanan. Keusahawanan atau perkataan Inggerisnya iaitu 'entrepreneur' berasal daripada bahasa Perancis 'entreprende' yang memberi maksud memikul atau mencuba.

Bidang keusahawanan ini merupakan salah satu bidang yang dapat mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu yang dapat memberi sumbangan terhadap masyarakat dan negaraseterusnya memenuhi kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Bidang keusahawanan ini boleh diterapkan ke dalam bidang pendidikan terutamanya bidang pendidikan teknik dan vokasional. Keusahawanan perlu diterapkan bukan hanya secara pengetahuan umum, malah ianya boleh digunakan sebagai elemen penting dalam pendidikan teknik dan vokasional. Istilah keusahawanan didalami terutamanya dalam konteks pendidikan teknik dan vokasional. Ciri-ciri keusahawanan dan rasional penerapan keusahawanan dalam pendidikan teknik dan vokasional dikaji. Pendidikan keusahawanan amat penting dibangunkan dan digabungkan sebagai satu yang berbeza dengan mata pelajaran lain tetapi selari dengan semua program pendidikan teknik dan vokasional.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Assalamualaikum wbt. Rakaman ini telah dijalankan di bilik Pusat Penyelidikan dan Jaringan Industri UiTM Machang, Kelantan. Bertarikh 4 Disember 2013 pada jam 10.20 pagi. Nama saya, Shamsiah Binti Suaimi dan dibantu oleh Nur Fitrayanni Binti Rasik daripada Fakulti Pengurusan Maklumat di tahun akhir dari UiTM Machang Kelantan. Hari ini, kami akan mewawancara seorang tokoh untuk memenuhi subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan, IMR 604 sebagai syarat untuk memenuhi tahun akhir. Prof. Madya Roslan Bin Ab. Rahim atau lebih dikenali sebagai PM akan berkongsi pengalaman beliau sepanjang berkhidmat di UiTM Machang, Kelantan ini. Kami sangat berbesar hati di atas kesudian tuan meluangkan masa untuk diwawancara. Kita akan memulakan wawancara ini dengan sesi pertama iaitu tentang latar belakang tuan.

PETUNJUK

SS = Shamsiah Binti Suaimi

RAR = Professor Madya Roslan Bin Ab. Rahim

SS : **Apakah nama penuh tuan?**

RAR : Nama penuh saya Roslan Bin Ab Rahim.

SS : **Apakah nama timangan tuan?**

RAR : Ada orang sebut Lan, ada orang sebut Roslan, ada orang sebut Selan. *Tapi* [Tetapi] saya mana-mana *pun* [juga] boleh la. Janji sebut nama *je* [sahaja].

SS : **Bilakah tuan dilahirkan?**

RAR : Lahir *sembilan hari bulan tujuh, sembilan belas enam puluh satu* [09.07.1961]

SS : **Berapakah umur tuan sekarang?**

RAR : Sekarang *dua puluh* [20], *lima puluh* [50 tahun], *dua puluh* [20 tahun] *pulok* [pula]. *Lima puluh dua* [52 tahun]. Ingat *dua puluh lima* [25 tahun] tadi. (bunyi ketawa)

SS : **Di manakah tuan dilahirkan?**

RAR : Lahir di Kota Bharu- Kelantan.

SS : **Berapa lamakah tempoh tuan menetap di negeri Kelantan?**

RAR : Oi, saya sejak-sejak lahir sampai tahun *lapan* [8], *sembilan belas lapan puluh tiga* [1983] baru keluar daripada Kelantan pergi ke Selangor masuk ke Universiti Malaya masuk ke universiti lah *time* [masa] *tu* [itu]. *Lapan puluh dua* [1982] , *lapan puluh tiga* [1983] saya *kije* [kerja] kemudian keluar tahun *lapan puluh lima* [1985]. Sejak daripada tarikh tersebut, saya bekerja di luar Kelantan iaitu di Selangor sampai *tahun dua ribu lima* [2005].

SS : **Apakah cita-cita tuan semasa kecil?**

RAR : *Tak* [tidak] *perasan* [sedar] *pulak* [pula] cita-cita *time* [masa] *tu* [itu]. (bunyi gelak) *Tak* [tidak] ingat cita-cita apa benda *nak* [hendak] jadi. Tapi ya lah, yang pentingnya ialah dapat menjawat jawatan sama ada sektor swasta atau kerajaan berasaskan kepada kelulusan, kemahiran yang ada lah. Kemudian, menjadi orang yang berjaya lah.

SS : Sekiranya tuan kelapangan waktu, apakah yang tuan lakukan?

RAR : Kalau sekarang *ni* [ini], saya suka baca-baca buku. Kemudian, saya banyak jadi pemerhati lah. Kadang-kadang pergi kedai tengok. Ya lah, kita mengajar, jadi kita *nak* [hendak] kena cari bahan-bahan. Jadi sama ada kita pergi ke kedai, kita pergi ke mana, kita tengok gelagat manusia dikaitkan dengan belian dan sebagainya la.

SS : Adakah tuan suka melancong?

RAR : Eh, suka. (bunyi ketawa kecil) Cuma *fulus* [duit] *saja* [sahaja] lah. *Tapi* [tetapi] *actually* [sebenarnya] melawat *ni* [ini] boleh meluaskan pandangan. Jadi kita boleh tengok banyak perkara-perkara baru yang kita boleh contohi yang mungkin kita boleh elakkan dan ia juga bagus untuk tujuan pembelajaran. *Pertama-tama* [Terutama], macam saya mengajar bidang keusahawanan, perniagaan. Jadi, kalau kita tertumpukan ke satu tempat kita mungkin *tak* [tidak] boleh buat perbandingan yang lebih kemas, lengkap. Jadi, memang sangat-sangat perlu lah lawatan-lawatan *ni* [ini].

SS : Kebanyakan tempat yang di melancong, apakah destinasi yang paling tuan gemar?

RAR : Dia, kalau destinasi kalau paling suka, maknanya kita kerap pergi. Kalau kerap pergi, Kuala Lumpur *je* [sahaja] *le* [lah]. (bunyi ketawa kecil) Kalau kita kata ke tempat-tempat lain, tidak lah kerap sangat. Jadi Kuala Lumpur *tu* [itu] pun sebenarnya banyak contoh-contoh yang boleh kita perolehi sebab ruang, kawasan yang luas. Tetapi dalam waktu yang sama, di selang-seli dengan lawatan luar

Negara, di sekitar-sekitar negara-negara Asia Tenggara untuk mendapatkan maklumat-maklumat tambahan, perbandingan.

SS : Adakah terdapat mana-mana destinasi impian?

RAR : Oh, *nak* [hendak] pergi Mekah *le* [lah].

SS : Boleh saya tahu apakah prinsip hidup tuan?

RAR : Prinsip hidup. Banyak, antaranya ialah kita buat kerja *ni* [ini] pertama, biar *lillahi Ta'ala* [untuk Allah Ta'ala]. Kemudian, barulah kita fikir hasilnya nanti. Kita serah *saja* [sahaja] kepada Tuhan. Dalam waktu yang sama, kita mesti berbaik sangka dengan orang. Dengan cara *ni* [ini] kita *tak* [tidak] memberi tekanan kepada diri sendiri. Jadi, kalau apa-apa terjadi kita terima lah ini memang *dah* [sudah] suratan *tapi* [tetapi] dalam waktu yang sama, usaha mesti dilipat gandakan supaya apa yang kita impikan akan berhasil. Kalau *tak* [tidak] jadi serah pada Tuhan lah yang *tu* [itu] *nak* [hendak] buat *macamana* [bagaimana]. Mungkin ada hikmah disebaliknya. Jadi, saya sendiri *pun* [juga] kadang-kadang selalu juga *bila* [apabila] saya mengajar *student* [pelajar] saya, saya selalu pesan perkara *ni* [ini]. Sekurang-kurangnya, ya lah. Kita dapat ganjaran kemudian nanti. Itu yang antara yang penting lah. Dan *bila* [apabila] kita buat kerja kita mesti buat kerja mengikut keutamaan. Mana yang penting perlu didahulukan, yang kurang--- *Makna* [Maksud] dia macam segi hukumlah. Mana yang wajib, mana yang sunat, makruh, harus, yang haram. Jadi, kita kena susun lah. Yang penting, kita mesti bertanggungjawab.

SS : Siapakah idola tuan?

RAR : Oh, susah nak jawab *ni* [ini]. Tapi ya lah, kita sebagai orang Islam, idola kita nabi Muhammad lah. Sebabnya sesempurna contoh yang boleh kita ikuti baik hal-hal keduniaan, hal-hal akhirat. Cuma kadang-kadang kita *tak* [tidak] mampu lah *nak* [hendak] ikut macam *dia* [baginda Rasullullah].

SS : **Siapakah nama penuh ayah tuan?**

RAR : Ab. Rahim Bin Abdullah- Abdullah Bin Awang. (bunyi ketawa kecil) Macam *tu* [itu], satu *je* [sahaja] lah. Dia punya *family tree* [salasilah keluarga]. *Tak* [tidak] banyak yang kita tahu sebab *takde* [tiada] kumpul maklumat.

SS : **Apakah profession ayah tuan?**

RAR : Dia bekerja sebagai *posman*, penghantar surat.

SS : **Siapakah nama penuh ibu tuan pula?**

RAR : Che Halimah Binti Che Ya.

SS : **Apakah profession ibu tuan?**

RAR : Profession *gapo* [apa]?

SS : **Ibu tuan.**

RAR : Oh, suri rumah sepenuh masa. Menteri dalam negeri. (bunyi ketawa kecil)

SS : **Adakah mereka masih lagi ada?**

RAR : Mereka dah meninggal. Kalau yang ayahnya tahun *sembilan belas sembilan puluh satu* [1991] meninggal. Emaknya tahun *dua ribu empat* [2004]- jadi saya

anak yatim piatu lah.

SS : Di manakah ayah dan ibu tuan menetap sebelum ini?

RAR : Di Kota Bharu. Mereka berasal daripada Bachok, Kelantan *tapi* [tetapi] menetap di Kota Bharu.

SS : Berapa ramaikah adik-beradik tuan?

RAR : *Sepuluh* [10] orang.

SS : Lelaki dan perempuan?

RAR : *Enam* [6] lelaki, *empat* [4] perempuan.

SS : Bagaimana latar belakang pendidikan adik-beradik tuan?

RAR : Boleh dikatakan keseiuruhannya sekolah menengah. Cuma ada beberapa orang yang sempat ke universiti lah. Dimulai dengan saya, anak yang *ketiga* [ke-3], kemudian anak yang *keenam* [ke-6], *tujuh* [ke-7] dan yang bongsu sekali, perempuan. Itu sempat ke universiti.

SS : Di mana tuan mendapat pendidikan awal tuan?

RAR : Pendidikan awal sekolah di Kota Bharu lah, Sekolah Sultan Ismail I [Kota Bharu]. Sekolah dia panggil Sekolah Padang Garo. Dekat dengan stadium *tu* [itu]. Ha, situ lah saya sekolah sampai tingkatan, darjah *enam* [6]. Kemudian tingkatan *satu* [1] pergi Sekolah Menengah Sultan Ismail II iaitu di Kelipok. Habis di tingkatan *tiga* [3] sana, pergi *kat* [dekat] Sekolah Menengah Kota Bharu, SMKB- tingkatan *empat* [4], *lima* [5]. Kemudian, saya berhenti sekolah,

bekerja. Kemudian, belajar secara sambilan di *institute* [institusi] Pendidikan. Waktu *tu* [itu], *tahun lapan puluhan* [1980-an], *tujuh puluhan* [1970-an], *lapan puluhan* [1980-an] *tu institute* [institusi] pendidikan *tu* [itu] memang sekolah swasta yang popular la. Ia bertempat di Stadium Sultan Muhammad [Kelantan]. Jadi, *dua* [2] tahun saya belajar *kat* [dekat] situ, tingkatan *enam* [6] bawah dan tingkatan *enam* [6] atas kemudian terus rezeki saya ada, masuk ke universiti. Tahun *sembilan belas lapan puluh dua* [1982], *lapan puluh tiga* [1983]. Kemudian graduan tahun *lapan puluh lima* [1985] dalam bidang ekonomi. Pengkhususan dalam pentadbiran awam.

SS : Adakah tuan mengambil tahap lanjutan---

RAR : Tahap apa?

SS : Lanjutan selepas *graduate* [graduasi]?

RAR : Selepas dapat Bachelor, Sarjana Muda, saya terus bekerja dengan *UiTM* [Universiti Teknologi MARA]. Masa *tu* [itu], *ITM* [Institusi Teknologi MARA], ditempatkan di *MEDEC* [Malaysia Entrepreneurship Development Center]. *MEDEC* [Malaysia Entrepreneurship Development Center] *tu* [itu] ialah nama lama bagi *MASMED* [Malaysia Academy of Small and Medium Industry and Entrepreneurship Development- Akademi Perniagaan Kecil dan Sederhana dan Pembangunan Keusahawanan Malaysia] sekarang *ni* [ni]. *MEDEC* [Malaysia Entrepreneurship Development Center- Pusat Pembangunan Keusahawanan Malaysia], Malaysia Entrepreneurship Development Center. Kalau *MASMED* [Malaysia Academy of Small and Medium Industry and Entrepreneurship Development- Akademi Perniagaan Kecil dan Sederhana dan Pembangunan

Keusahawanan Malaysia] *ni* [ni] Malaysia Academy of Small and Medium Industry and Entrepreneurship Development. Jadi sejak tahun *lapan puluh lima* [1985], *sembilan belas lapan puluh lima* [1985] sehingga sekarang lah saya--- Cuma di Shah Alam, sampai tahun *dua ribu lima* [2005]. Kemudian saya kembali ke Kelantan, *dua ribu lima* [2005] sehingga sekarang. Tetapi masih lagi ditempatkan di pusat yang sama- iaitu terlibat dengan bidang-bidang keusahawanan.

SS : Pada tahun berapakah tuan mengambil Sarjana Muda?

RAR : Sambung belajar? Oh, *tu* [tu] *tak* [tidak] jawab tadi, kan? Daripada--- *bila* [apabila] bekerja dengan *UiTM* [Universiti Teknologi MARA], tahun *sembilan belas lapan puluh lima* [1985], tahun *sembilan belas sembilan puluh* [1990] saya *decide* [putuskan] *lepas* [selepas] *lima* [5] tahun lah, saya *decide* [putuskan] untuk sambung belajar menggunakan biasiswa universiti belajar di peringkat master. (gangguan bunyi mesin pencetak) Saya buat *MBA* [Master of Business Administration] di Hawai Pacific University, Hawaii. (bunyi helaian kertas di ratakan atas meja)

SS : Adakah tuan sudah berumah tangga?

RAR : Oh, kahwin sejak graduan *dulu* [dahulu] lagi. (sambil tergelak kecil) Tahun *sembilan belas lapan puluh lima* [1985] lagi. Keluar *je* [sahaja] *dah* [sudah] habis belajar? Jadi kita *raise family* [mendirikan rumah tangga] lah *pulak* [pula]. Jadi terus kahwin tahun *lapan puluh tujuh lima* [1985]. *Tu* [tu] sebabnya macam sekarang *ni* [ni], anak-anak saya semua ada *empat* [4] orang. Anak saya *tiga* [3] orang semua *dah* [sudah] kerja. Kita masih lagi *okay* [baik] lagi, kan. Jadi *dah*

[sudah] kita *enjoy* [belanja] lah duit kita. Kalau tidak *nak* [hendak] kena bela anak *je* [sahaja]. (bunyi ketawa kecil)

SS : Siapakah nama isteri tuan?

RAR : Nik Nor Hashimah Binti Nik Ismail. (calon temuramah meminta izin untuk berhenti seketika)

SS : Isteri Tuan berasal daripada mana?

RAR : Juga berasal daripada Kelantan. Lebih kurang di Kota Bharu juga lah.

SS : Latar belakang pendidikan isteri tuan?

RAR : Dia belajar sekolah rendah, rasa *dulu* [dahulu] Sekolah Kota. *Lepas* [selepas] *tu* [tu] dia habis *kat* [dekat] Sekolah Kota, dia sambung ke Sekolah Menengah Sultan Ismail. *Lepas tu* [selepas itu], dia masuk ke Universiti Asasi Sains. Antara *batch* [kumpulan] yang awal fasal Sains di Universiti Malaya. Kemudian dia buat *bachelor* [sarjana muda] dalam bidang, *bachelor* [sarjana muda] *double major* [gandaan dua utama] dia, *bachelor* [sarjana muda] *Mathematic and Biology* [Matematik dan Biologi]. Kemudian, dia jadi guru. Jadi guru dia sambung belajar *pulak* [pula] buat *master* [sarjana]. *Master in management* [Master dalam pengurusan]. *Lepas tu* [itu] baru *ni* [ini], dalam dua tahun lepas dia buat *PhD* [Doktor Falsafah], jadi doktor lah dia sekarang. Jadi, saya kahwin dengan doktor lah. (bunyi ketawa kecil)

SS : Berbalik kepada anak tuan tadi, apakah pekerjaan mereka?

RAR : Yang pertama, yang sulung, doktor, perubatan. Yang *kedua* [ke-2] dan yang

ketiga [3], nurse, jururawat. Yang bongsu *tu* [itu] sekolah lagi lah, tingkatan---
darjah--- tingkatan *dua* [2].

SS : Bagaimana tuan membahagikan masa antara kerjaya dengan kehidupan berkeluarga?

RAR : Ya lah, kira bahagi *lima puluh lima puluh* [50-50] lah, kan. Masa *dua puluh empat jam tujuh hari* [24/7], jadi kerja *lapan* [8] jam hingga *sepuluh* [10] jam. Yang lain *tu* [itu] dengan keluarga lah *tapi* [tetapi] dalam waktu yang sama masa *tu* [itu] tidak *fixed* [ditetapkan] daripada pagi sampai petang kerja, petang keluarga. Bergantung kepada keperluan. *Tapi* [Tetapi] kita cuba imbangkan antara kedua-duanya sebab kedua-duanya memberi saling sokong-menyokong, kan. Sokong-menyokong. Ha, macam *tu* [itu]. Tidak bermakna *bila* [apabila] kita kerja *tu* [itu] *tak* [tidak] ingat keluarga, *tak* [tidak] boleh *tak* [tidak] ingat. *Bila* [apabila] ingat keluarga *tak* [tidak] ingat kerja, *dak* [tidak] la.

SS : Sebelum itu, umur anak-anak tuan?

RAR : Anak yang pertama? Anak yang pertama lahir tahun--- lepas *dua* [2] tahun kahwin, tahun *lapan puluh lima* [1985], *lapan puluh tujuh* [1987]. Jadi sekarang, *lapan puluh tujuh* [1987], lebih kurang *dua puluh* [20] berapa? *Dua puluh lima* [25] *kot* [agakny]. *Dua puluh lima* [25], *dua puluh enam* [26].

SS : Yang kedua?

RAR : Yang *kedua* [ke-2], tahun *sembilan puluh* [1990] lahir. *Dua puluh tiga* [23] lah. Yang ketiga [ke-3] masa saya belajar di Hawaii *tu* [itu] dapatlah anak *sorang* [seorang], *pastu* [selepas itu] dia *tu* [itu] *American* [bangsa Amerika] lah, di

Hawai. Yang *tu* [itu] *lapan* [8], *sembilan puluh satu* [1991]. Sekarang *dua puluh dua* [22]. Yang bongsu *tu* [itu] tahun *dua ribu* [2000]._ *sembilan belas sembilan puluh sembilan* [1999], *tiga belas* [13] tahun.

SS : **Baiklah, kita akan teruskan ke sesi yang kedua iaitu kerjaya.**

RAR : *Okay* [Baik].

SS : **Apakah pekerjaan awal tuan sebelum tuan berkhidmat di sini?**

RAR : Masa *tu* [itu] selepas tamat sekolah tingkatan *lima* [5] *tu* [itu] saya berasal daripada keluarga yang tidak lah begitu mewah. Jadi, terpaksa bekerja *tapi* [tetapi] walaupun bekerja pun, dalam waktu yang sama, peluang belajar sambilan *tu* [itu] masih ada. Di Kelantan *ni* [ini] boleh tahan juga peluang-peluang nya. Jadi saya mula bekerja sejak berumur *sembilan belas* [19] tahun lah. Tingkatan *enam* [6], *sembilan belas* [19] tahun. Di sebuah syarikat Pemaju Perumahan iaitu syarikat sub-sendiri kepada perbandaran Kemajuan Ekonomi Negeri Kelantan. Nama syarikat *tu* [itu] Maju Bangun Sendirian Berhad. Dia buat *construction* [pembinaan] di Kelantan. Jadi, selepas bekerja hampir *dua* [2] tahun, saya terus masuk ke universiti tahun *lapan puluh dua* [1982], *lapan puluh tiga* [1983] *tu* [itu]_ _ _ _ Graduate [Graduasi] daripada universiti *je* [sahaja] saya terus kerja mohon kerja dengan *UiTM* [Universiti Teknologi MARA], *ITM* [Institusi Teknologi MARA] lah masa *tu* [itu]. Jadi, sejak tahun *lapan puluh lima* [1985] *grad* [graduasi] *tu* [itu] saya sampai sekarang kerja dengan *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] *aje* [sahaja]. Kerja sepenuh masa. *Tapi* [tetapi] kalau kerja *part-time* [separuh masa] *tu* [itu] masih ada tempat-tempat lain. Saya banyak *involve* [terlibat] dengan *teaching industry* [industri pengajaran] lah. Mengajar.

SS : **Sekiranya tuan tidak keberatan, boleh tuan kongsikan berapa gaji yang di terima?**

RAR : Di mana *tu* [itu]?

SS : **Semasa pekerjaan awal.**

RAR : Oh, masa kerja dulu gaji murah lebih kurang *dua ratus setengah ke tiga ratus* [RM250-RM300] *tapi* [tetapi] waktu *tu* [itu] *cost on living* [kos kehidupan] rendah. Macam roti canai *time* [masa] *tu* [itu] baru *dua puluh lima sen* [20 sen]. Jadi, gaji *dua ratus setengah* [RM250] pun *tak* [tidak] apa lah. Macam sekarang *ni* [ini] mungkin kosnya tinggi. Cuma dengan syarikat pertama saya kerja *tu* [itu], Syarikat Maju Bangun *tu* [itu], oleh kerana mungkin hubungan saya baik dengan pengurus dia, bos dia *tu* [itu], *bila* [apabila] saya belajar, sambung belajar cuti semester, kami dulu dia panggil cuti penggal macam sekolah, cuti nya panjang. Jadi, *bila* [apabila] cuti saya balik kerja dekat pejabat lama. Jadi banyak gaji *jugak* [juga] saya waktu *tu* [itu] *empat ratus setengah* [RM450]. Jadi setiap kali cuti semester saya balik tidak mengganggu. Jadi, saya balik bekerja sementara di syarikat lama dan oleh kerana dia buat *construction* [pembinaan], dia kadang-kadang *tu* [itu] ada masuk tender sebagainya, ada la tender kena hantar ke *Kolompor* [Kuala Lumpur], jadi saya lah pergi *Kolompor* [Kuala Lumpur]. Jadi, peluang *tu* [itu] *okay* [baik] lah.

SS : **Apakah tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada tuan pada masa *tu* [itu]?**

RAR : Waktu *tu* [itu]? (bunyi pengokot) Saya jawatan saya kerani akaun tetapi dalam

waktu yang sama, saya bukan setakat membuat catatan rekod urus niaga *tu* [itu] *aje* [sahaja] *tapi* [tetapi] saya juga terlibat untuk membuat pemantauan di Syarikat_. *Bila* [apabila] kita *order* [tempah] barang, saya pergi *check* [semak] barang *tu* [itu] sampai ke tidak *and then* [dan kemudian] kita buat *stock control* [kawalan stok], buat *purchasing* [pembelian], buat *payment* [pembayaran] kepada pembekal-pembekal. Kadang-kadang saya diminta untuk berunding dengan pembekal-pembekal bahan-bahan mentah lah. Yang *hardware product* [produk perkakasan] *tu* [itu]._ _ _ _ *construction* [pembinaan]. Jadi, dari sudut pendedahan *tu* [itu] boleh katakan meluas. Tidak kata buat satu kerja. Jadi, saya suka kerja *camtu* [seperti itu]. Tidak satu *je* [sahaja] kita boleh buat beberapa perkara. Yang penting, dia menyumbang kepada kepentingan intitusi yang kita wakili.

SS : Adakah terdapat pengalaman pahit dan manis yang diperolehi oleh tuan?

RAR : Saya sebab prinsip asal saya *dulu* [dahulu] saya katakan, kita kerja, buat kerja serah kepada Tuhan *aje* [sahaja], *lillahi Ta'ala* [untuk Allah Ta'ala]. Kemudian, kita jangan buruk sangka. Jadi *tak* [tidak] ada timbul masalah pahit *ni* [ini]. Yang manis *tu* [itu] adalah, kerja kan. Tapi ingat-ingat semua pun susah *jugok* [juga] manis-manis *saja* [sahaja]. (bunyi ketawa kecil) Jadi, kalau pahit-pahit pun, kita kira manis juga. Jadi *tak* [tidak] ada peristiwa pahit sangat lah.

SS : Berapa lamakah tempoh perkhidmatan tuan?

RAR : Kalau *dulu* [dahulu], mula-mula kerja, *dua* [2] tahun. Macam sekarang *ni* [ini], daripada *lapan puluh lima* [1985], sampai *tahun dua ribu empat belas* [2014], dah hampir *tiga puluh* [30] tahun. *Dua puluh tujuh* [27], *dua puluh lapan* [28]

tahun *dah* [sudah] di *UiTM* [Universiti Teknologi MARA].

SS : Adakah terdapat pekerjaan lain? (bunyi pintu di tutup)

RAR : Kerja sepenuh masa sebagai pensyarah, *tapi* [tetapi] bidang pensyarahan, syarahan. (berlatarbelakangkan bunyi pintu di tutup) Pensyarah *ni* [ini] memang pada dasarnya mengajar, memberi kuliah sebagainya. *Tapi* [tetapi] oleh kerana bentuk kerja yang saya buat di unit yang saya sertai, *MASMED* [Malaysia Academy of Small and Medium Industry and Entrepreneurship Development] *tu* [itu], atau pun *MEDEC* [Malaysia Entrepreneurship Development Center] dulu, dia terlibat dengan berbagai-bagai bentuk. Antara lain, kita juga buat kerja-kerja seperti perundingan, penyelidikan, pengurusan program. Jadi, boleh dikatakan berbagai-bagai bentuk menyebabkan saya seronok duduk dekat *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] *ni* [ini]. Tidak kata kita mengajar *je* [sahaja]. Kadang-kadang bila kita *boring* [bosan] mengajar, sebab kita juga terlibat dengan buat penyelidikan, kita keluar buat penyelidikan. Kita pening buat penyelidikan, kita mengurus program. Jadi, berbagai-bagai bentuk kerja. Jadi, kalau *nak* [hendak] dikira syarahan *ni* [ini] saya ingat dalam berapa peratus *je* [sahaja] masa saya. Yang lain *tu* [itu] diberi kepada kerja-kerja yang lain. Ha, itu antara punca saya kekal lama di *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] *ni* [ini]. Kerja seronok dan kita *determine our own time* [tentukan masa kita sendiri]. Di *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] dia tetap lah masa kita mengajar berapa jam, berapa jam kan. Maksudnya kalau keseluruhan masa kita ada lebih kurang dalam sepuluh_ peratus *je* [sahaja] mengajar yang lain *tu* [itu] kerja yang lain. *So* [Jadi], kerja yang lain kita boleh tentukan kita *tak* [tidak] semestinya masuk kerja pukul *lapan* [8] sampai pukul *sepuluh* [10]_ pukul *lima* [5] misalnya. Ada waktunya kita masuk

lewat, kita balik lewat. Kadang-kadang malam kita kerja hari minggu bekerja. *Tapi* [tetapi] ganti dengan hari yang lain jadi kita agak *flexibel* [boleh ubah]. Kerja *tu* [itu] *flexible hours* [masa yang boleh diubah]. Jadi, sejak-sejak saya kerja dulu sampai sekarang *tu* [itu] *flexible hours* [masa yang boleh diubah] lah. Jadi, seronok lah kerja *camtu* [seperti itu].

SS : Boleh saya tahu, apakah faktor tuan bekerja, berkhidmat semasa pekerjaan awal?

RAR : Masa mula-mula bekerja dulu sebab sebahagian besarnya sebab masalah kesempitan kewangan. Saya adik-beradik ramai, lebih kurang *sepuluh* [10]. Bapa seorang sahaja bekerja. Duduk lagi di bandar, Kota Bharu, bandar. Jadi kos tinggi. Jadi saya tengok ibu bapa saya kerja teruk, selalu *overtime* [lebih masa], *tak* [tidak] cukup duit. Jadi, *bila* [apabila] kelulusan saya *tak* [tidak] berapa cantik sangat masa *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] *dulu* [dahulu]. Jadi saya pun *decide* [putuskan] bekerja lah. Kebetulan ada peluang kerja saya masuk bekerja. *Tapi* [tetapi] tekad untuk belajar *tu* [itu] masih ada lah. Jadi, saya belajar lah secara sambilan. Itu antara punca utama lah. Habis *bila* [apabila] *dah* [sudah] bekerja, bergaul dengan masyarakat, berniaga dengan orang ramai, memang ada keseronokan jadi kita belajar banyak benda lagi. Cuma *bila* [apabila] belajar secara sambilan, kita jumpa *pulak* [pula] dengan rakan-rakan lain yang bekerja di tempat-tempat lain. Jadi, secara *tak* [tidak] langsung dia memberi dorongan kepada kita untuk berusaha lebih. Yalah, kalau kita *nak* [hendak] ubah masa depan kita, antara lain ialah melalui pendidikan. Ada orang dia beruntung sebab *mak bapak* [ibu bapa] dia ada harta. Jadi dia boleh ubah nasib dia melalui harta yang ditinggalkan. Macam saya, ibu bapa *tak* [tidak] tinggalkan harta. Yang

dibagi peluang ialah pendidikan. Dan diberi sokongan sebagainya. Jadi, *Alhamdulillah* [puji-pujian kepada Allah] lah.

SS : Apakah posisi awal yang dilantik kepada tuan semenjak bekerja di sini UiTM [Universiti Teknologi MARA]?

RAR : Di *UiTM* [Universiti Teknologi MARA], di *ITM* [Institusi Teknologi MARA] lah. Saya sebagai pensyarah lah. Cuma waktu *tu* [itu] saya di lantik atas nama pensyarah Ekonomi. Sebab kebetulan, saya, *degree* [ijazah] saya ialah bidang Ekonomi. Jadi, saya pensyarah Ekonomi. Tetapi dalam waktu yang sama, *bila* [apabila] saya bekerja, saya dapati pengetahuan yang diperolehi semasa belajar dulu, Ekonomi Pengurusan *tu* [itu] lebih kurang dalam *dua puluh peratus* [20%] *je* [sahaja] boleh guna yang lain *tu* [itu] kita kena *equip* [melengkapkan], kena tingkatkan lagi yang baru, pengetahuan-pengetahuan baru. Jadi, kena belajar lagi lah waktu *tu* [itu].

SS : Kalau tidak keberatan, boleh tuan berkongsi gaji permulaan tuan?

RAR : Oh, *time* [masa] *tu* [itu]_ dia mengikut skim gaji kerajaan lah. *Bachelor* [sarjana muda] *seribu ringgit* [RM1000] gaji. Gaji *bachelor* [sarjana muda] *seribu* [RM1000].

SS : Apakah senarai tugas yang ditugaskan kepada tuan?

RAR : Waktu *tu* [itu] tugas saya pensyarah, mengajar. *Tapi* [tetapi] dalam waktu yang sama, saya juga terlibat untuk mengurus program, makna *managing program* [menguruskan program]. Kemudian, terlibat dalam merangka kurikulum program. Kemudian, dalam waktu yang sama, kita kena *initiate* [mulakan] lah.

Satu [1], bagusnya kerja di Universiti *ni* [ini] di *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] khususnya, kita memang dibagi masa yang khusus, maknanya jadual kerja kita *tu* [itu] *structured* [tersusun], dirancang. Sebahagian yang lain, kita yang tentukan. Misalnya, kerja-kerja seperti buat *research* [penyelidikan], perundingan, ha itu memerlukan kreativiti, inovasi sendiri, keinginan sendiri. *So* [Jadi], lebih *kurang lapan puluh peratus* [80%] masa *tu* [itu] kita tentukan. *So, we decide what we want to* [Jadi, kita putuskan apa yang kita]_. Ha, itu yang kadang-kadang memberi keseronokan, kebebasan pada saya lah. Dalam waktu yang sama, masa mengajar dulu, saya selain daripada *tu* [itu] saya mengajar juga berbagai-bagai subjek mengikut kepakaran lah daripada subjek pengurusan, ekonomi, keusahawanan. Jadi, kita pun *tak* [tidak] mengajar satu bidang. Ada benda yang kita belajar tambahan, untuk membolehkan kita mengajar bidang *tu* [itu]. Misalnya, saya *conduct* [mengendalikan]--- saya sebenarnya *Certified Entrepreneurship Motivator Trainer* [Kelulusan Jurulatih Motivasi Keusahawanan]. Jadi, kita pergi kursus-kursus khusus untuk bidang *tu* [itu]. Jadi, benda baru yang kita belajar. Jadi, boleh dikatakan kita *ni* [ini] *all rounder* [serba boleh] lah. Jadi, kita *boring* [bosan] *ngajar* [mengajar] *tu* [itu] kita *ngajar* [mengajar] yang *ni* [ini]. Itu bab mengajar, bab bekerja pun sama. Kita *boring* [bosan] mengajar, kita buat *research* [penyelidikan]. Kita *boring* [bosan] buat *research* [penyelidikan], kita keluar pergi buat *networking* [perangkaian]. Jadi seronok lah kerja macam *tu* [itu]. (bunyi gangguan telefon pejabat)

SS : **Pernahkah tuan berkhidmat di cawangan lain?**

RAR : Saya kebetulan *bila* [apabila] mula-mula bekerja dengan *UiTM* [Universiti Teknologi MARA], *ITM* [Institusi Teknologi MARA], bertempat di Shah Alam

sebab waktu *tu* [itu] *MEDEC* [Malaysia Entrepreneurship Development Center] *ni* [ini] kebetulan dia *tak* [tidak] ada cawangan- jadi, di Shah Alam *je* [sahaja] lah. Cuma dalam waktu yang sama, sebab kami terlibat dengan banyak buat program-program latihan, selain daripada pengajaran kuliah *ni* [ini], *lapan puluh peratus* [80%] masa kepada latihan. Jadi, saya boleh dikatakan mengajar merata, seluruh negara. Boleh dikatakan selain daripada mengajar di Shah Alam, mengajar di Sabah, Sarawak, Utara, Selatan, habis negeri *dah* [sudah] saya *ngajar* [mengajar]. Bahkan, dari--- *bila* [apabila] sebab kita buat pelbagai bentuk kerja, antaranya *research* [penyelidikan], *bila* [apabila] kita *research* [penyelidikan] kita pun berjalan merata-rata dunia *jugak* [juga]. Semua tertumpu dalam negara lah. Jadi boleh dikatakan tiap ceruk rantau di Malaysia *ni* [ini], memang saya pernah sampai. Kecuali kawasan-kawasan pedalaman yang tidak ada pengangkutan. Macam Sabah Sarawak *tu* [itu] sebab negerinya besar, yang kerap saya pergi di bandar lah. *KK* [Kota Kinabalu], *Kuching* [Sarawak], kemudian kawasan sekitar dia lah sebab dia punya *transportation* [pengangkutan] dia jauh-jauh. *Tapi* [tetapi] kalau di Semenanjung, boleh dikatakan hampir semua tempat saya *dah* [sudah] sampai. Hampir semua tempat.

SS : Bolehkah tuan menceritakan dengan lebih lanjut penglibatan dan pengalaman selama bekerja di Sabah sana?

RAR : Kalau di Sabah dan Sarawak, saya *tak* [tidak] lama duduk sana. *Dua* [2] hari, *tiga* [3] hari. Sebahagian besarnya, maknanya kita pergi sekejap balik lepas *tu* [itu] pergi, balik. Mengajar, kan? *Dua* [2], *tiga* [3] hari *je* [sahaja]. Sebahagian besarnya tertumpu di bandar lah. Jadi, kalau kita tengok masyarakat sana memang terkebelakang sedikit berbanding dengan kita. Kalau kita tahun *dua*

ribu [RM2000], *diorang* [mereka] *ni* [ini] mungkin tahun *sembilan puluh* [1990], *lapan puluh* [1980]. *Setting* [Tetapan]_ dia macam *tu* [itu]. Agak lama sikit lah. *Tapi* [tetapi] masyarakatnya boleh dikatakan menghormati kita mungkin lah bidang pengajaran saya *tu* [itu] sebab saya buat latihan mereka yang datang *tu* [itu] memang *dah* [sudah] berilmu. Jadi mungkin dia *respect* [hormat] kita lah dari sudut *tu* [itu]. Jadi, *bila* [apabila] saya *nak* [hendak] buat penyelidikan sebagainya *bila* [apabila] saya *contact* [berhubung] balik, *diorang* [mereka] *very cooperative* [sangat bekerjasama], Sabah, Sarawak. Sama juga dengan Semenanjung [Malaysia]. Cuma *advantage* [kebaikan] nya *bila* [apabila] kita mengajar banyak tempat, *so* [jadi] kita boleh tengok budaya, sosiobudaya yang berbeza lah. Bilangan masyarakat dan sebagainya.

SS : Apakah tuan lebih gemar berkhidmat di sini ataupun di cawangan yang terdahulu?

RAR : Di sini maksudnya di *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] Kelantan, lah? Ya, lah. Selepas *dah* [sudah] *dua puluh* [20] tahun berkhidmat di luar, jadi saya rasa memang patut lah saya balik ke Kelantan *ni* [ini] menyumbang ke negeri Kelantan. *Tapi* [tetapi] dalam waktu yang sama, saya tidak kata duduk di Kelantan *saja* [sahaja]. Ada waktunya saya keluar juga. Sebab kita masih lagi terlibat dengan latihan. Cuma kalau di *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] Kelantan *ni* [ini], banyak tertumpu kepada aktiviti-aktiviti pengajaran lah. Aktiviti pengajaran banyak. *So* [Jadi], *bila* [apabila] pengajaran, lebih tertumpu ke, di cawangan lah. Kalau *dulu* [dahulu], saya terlibat dengan aktiviti pengajaran, latihan, pengurusan, perundingan, penyelidikan. Jadi, *bila* [apabila] berbagai bentuk, maka_ apa *ni* [ini] untuk memberi khidmat yang *tu* [itu] kita

patut pergi ke tempat-tempat yang berbeza.

SS : Apakah cabaran khusus yang dihadapi oleh tuan ketika berkhidmat di UiTM [Universiti Teknologi MARA]?

RAR : Cabaran utama? Cabaran utama ialah berhadapan dengan kerenah rakan-rakan la. Ada berbagai-bagai ada orang yang koperatif ada orang yang *tak* [tidak] koperatif sebab setiap orang mempunyai prinsip yang berbeza jadi cabaran utama adalah *bila* [apabila] kita boleh memanfaatkan mereka dan bekerja bersama mereka. Selain pada *tu* [itu] ialah masalah kadang-kadang tekanan masa *tu* [itu] ya kita buat latihan kita latih usahawan jadi usahawan *ni* [ini] biasanya bekerja hari biasa hari minggu, hari minggu kita cuti sepatutnya kita cuti tapi mereka berkursus masa kursus jadi kita boleh katakan peringkat awal kerja dulu *tujuh* [7] hari seminggu. Jadi kadang-kadang *tu* [itu], seperti saya katakan tadi saya berikan masa yang seimbang antara keluarga dengan *ni* [ini] tetapi kerana mengajar *ni* [ini] memerlukan kita kerja di sebelah hari minggu kadang-kadang *tu* [itu] kepentingan keluarga *tu* [itu] sedikit terabai. Walaupun kita boleh *cover* [menutup] balik *tapi* [tetapi] dari segi masa *tu* [itu] kalau hari Jumaat dia *tak* [tidak] sama dengan hari Ahad? Kita hari cuti hari Ahad misal nya, hari Sabtu tiba-tiba digunakan untuk bekerja *nak* [hendak] diganti dengan hari Selasa hari Rabu dia *tak* [tidak] sama. Selain daripada *tu* [itu] ialah kami sejak kerja dulu *MEDEC* [Malaysia Entrepreneurship Development Center] *ni* [ini] memang kita jabatan kerajaan jadi kita dapat peruntukan daripada kerajaan untuk mengendalikan program kita *tapi* [tetapi] dalam waktu yang sama kita juga perlu mendapatkan dana luar, jadi *satu* [1] cabaran kepada saya ialah kita bukan setakat

membelanjakan peruntukan yang ada tapi kita kena cari peruntukan baru jadi berbeza dengan mungkin dengan jabatan-jabatan yang lain mereka hanya memohon peruntukan daripada pihak-pihak atasan lulus jalan *je* [sahaja]. Macam kita, kita kena *negotiate* [berunding] lagi dengan pihak-pihak lain untuk mendapat dana bagi membiayai aktiviti-aktiviti kita ha, *tu* [itu] antara cabaran-cabaran utama la.

SS : Dari segi pekerjaan apakah yang dinilai dalam kenaikan pangkat?

RAR : Saya daripada dulu kerja lagi sampai sekarang saya tidak beratkan sangat soal memenuhi syarat-syarat untuk naik pangkat *ni* [ini]. Pada saya naik pangkat *ni* [ini] kalau ada rezeki ada lah, tapi apa yang kita buat *tu* [itu] memang kebetulan bertepatan dengan kehendak universiti. Antara lain kriteria yang mereka guna dan digunakan kebanyakan universiti-universiti lain, pengajaran, pembelajaran, kemudian penulisan. Jadi kebetulan bidang kerja saya banyak terlibat dengan *design* [reka bentuk] kurikulum, buat penyelidikan, perundingan. Jadi kami dokumenkan semua perkara-perkara *tu* [itu], jadi *bila* [apabila] kenaikan pangkat kriteria yang diguna kita *dah* [sudah] ada semua. Itu sebabnya saya boleh katakan *Alhamdulillah* [puji-pujian kepada Allah] peringkat awal bekerja dari segi kenaikan pangkat *tu* [itu] cepat. Lepas *lima* [5] tahun *dah* [sudah] dapat kanan, *tujuh* [7] tahun ke *lapan* [8] tahun waktu *tu* [itu] dia pakai skim apa nilai, tapi kenaikan pangkat *tu* [itu] cepat lah. Jadi kriteria yang digunakan *tu* [itu] kebetulan dan saya rasa dari segi institusi pengajian tinggi memang patut digunakan, selain daripada pengajaran, pembelajaran, dokumentasi, penyelidikan, perundingan, penulisan jadi memang kami memang bekerja kami buat itu. Jadi saya *tak* [tidak] kisah sangat soal naik pangkat *tapi* [tetapi] saya mohon, *bila* [apabila] keluar

permohonan saya *antor* [hantar] tapi [tetapi] tidaklah kita kata kerana *nak* [hendak] kan pangkat *tu* [itu] kita buat kerana benda *tu* [itu], jadi saya tidak set [tetap] hidup saya macam *tu* [itu].

SS : Dari segi pengalaman bersyarah, adakah terdapat mana-mana cabaran yang harus dihadapi tuan?

RAR : Cabaran *tu* [itu] memang selalu ada sebab kita berhadapan dengan kumpulan pelajar yang berbeza-beza. Pertama latar belakang mereka, yang kedua [ke-2] mungkin kerenahnya lah kerana latar belakang tersebut dan yang ketiga [ke-3] ialah *content* [kandungan] pengajaran yang kita ajar. Boleh dikatakan walaupun subjek yang kita *ngajar* [mengajar] dia dah [sudah] ada kurikulum dia dan kita memenuhi kurikulum tersebut tapi [tetapi] dalam waktu yang sama saya juga memasukkan *input-input* [sumber-sumber] tambahan yang dikaitkan dengan *softskills* [kemahiran insaniah] ataupun pembinaan diri seseorang walaupun saya mengajar subjek ekonomi saya terapkan juga unsur-unsur yang lain. Sama juga bila [apabila] saya mengajar pengurusan, keusahawanan, mengajar kursus motivasi jadi saya masukkan nilai-nilai tertentu, falsafah-falsafah tertentu dalam pengajaran. Ada setengah pelajar dapat terima ada setengah pelajar tidak dapat terima. Cuma kita kena kawal supaya kita tidak melencong terlalu jauh luar daripada *syllabus* [sukatan pelajaran] nya. Sebab sebagai pensyarah, mengajar pelajar-pelajar *fulltime* [sepenuh masa] *ni* [ini] kita mesti memenuhi masa skop pengajaran sebab dia melibatkan peperiksaan. Macam saya terlibat sebagai fasilitator *ni* [ini] latihan, pengetahuan yang kita bagi kepada pelajar-pelajar *ni* [ini] ataupun graduan kita ataupun siswazah kita ataupun usahawan kita *ni* [ini], mereka akan praktikkan kalau mengajar student kita bagi *knowledge*

[pengetahuan] dia pandai *tak* [tidak] pandai satu babak kan, dia faham *tak* [tidak] faham satu hal dan paling tinggi *pun* [juga] dia bekerja *gitu* [begitu]. Tapi kalau usahawan *ni* [ini] *different* [berbeza] *bila* [apabila] kita *advice* [nasihat] mereka *they will implement* [mereka akan melaksanakan], *bila* [apabila] dia *implement* [laksanakan] kalau salah melibatkan kos. Jadi sebenarnya tekanan *tu* [itu] lebih tinggi mengajar ataupun terlibat dengan industri latihan keusahawanan berbanding dengan pengajaran. Cuma saya masa mengajar pelajar-pelajar usahawan-usahawan *ni* [ini], kadang-kadang ilmu yang kita perolehi dengan mereka. Mereka *ni* [ini] pun yang datang bukan kata kosong, ada juga pengetahuan yang kita boleh kutip. Jadi kita, peranan kita sebagai--- *knowledge* [pengetahuan] mereka supaya dapat dikongsi dengan rakan yang lain dan kita boleh berkongsi, dan pengetahuan itu saya gunakan *bila* [apabila] saya mengajar pelajar-pelajar saya gunakan sebahagian daripada maklumat itu. *So* [Jadi] setiap kali kita masuk kuliah kita kena *set new knowledge* [tetapkan pengetahuan yang baru] kita akan *deliver* [hantar]--- *we conduct on* [kami menjalankan]. Saya *set* [tetapkan] macam *tu* [itu], kita kena banyak bacaan-bacaan tambahan dan maknanya walaupun mungkin terkeluar sikit daripada skop kurikulum *syllabus* [sukatan pelajaran] nya *tapi* [tetapi] masih menjurus ke arah benda yang berkaitan dengan skop tersebut. Itu yang saya buat lah.

SS : Boleh saya tahu— tuan ajar *degree* [ijazah] dengan diploma—

RAR : Ha, masa *UiTM* [Universiti Teknologi MARA], *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] tidak asingkan di antara *degree* [ijazah] dengan diploma, dia dalam *dua* [2] *tiga* [3] tahun *ni* [ini] *je* [sahaja] di asingkan selepas KTP memberi arahan kemasukan pelajar *degree* [ijazah] pada September. Tapi [tetapi] sebelum itu *ITM*

[Institusi Teknologi MARA] ni dia kemasukannya *dua* [2] kali setahun tetapi serentak di antara diploma dengan ijazah, jadi semasa tempoh berkenaan memang saya mengajar dua-dua kumpulan. Diploma dan juga *bachelor* [ijazah] tetapi bagi latihan yang saya terlibat, memang kita *tak* [tidak] ada *level* [peringkat] maknanya dia latihan keusahawanan itu *tapi* [tetapi] pelajar-pelajar yang menyertai ada waktunya yang mempunyai *doktor falsafah* [PhD], ada yang darjah *enam* [6]. Sebenarnya *challenge* [cabaran] kumpulan ini berbanding dengan mengajar *student* [pelajar] kita *ni* [ini] memang dia tulis *homogeneous* [homogen], *kalo* [kalau] diploma *tu* [itu] lepasan *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] bahkan kadang kadang sesetengah keadaan- *lima* [5] A semua. *Tapi* [Tetapi] misal kalau mengajar di program latihan keusahawanan *tu* [itu] ada yang setinggi-tinggi nya doktor yang serendah-rendah darjah *enam* [6] duduk sekali mengajar. Oo yang *tu* [itu] *tension* [tekanan] sikit mengajar, cabaran yang tinggi. Saya pernah juga mengajar kumpulan *OKU* [Orang Kelainan Upaya], dalam kumpulan *tu* [itu] ada pekak, ada yang buta, ada yang bisu, lagi susah. Kita *nak* [hendak] pakai *teaching aid* [bantuan mengajar] *tak* [tidak] boleh orang *tak* [tidak] nampak. Kita *nak* [hendak] cakap saja, ada yang pekak. *Challenge* [Cabaran] sebenarnya *ngajar* [mengajar] kumpulan itu. Jadi memerlukan kesabaran, kemudian kreativiti *content* [kandungan] kaedah pengajaran. Jadi sebenarnya kadang-kadang banyak membantu saya bila [apabila] saya mengajar *student* [pelajar] sepenuh masa *ni* [ini] kita jadi terikut-ikut kaedah macam *tu* [itu] lah. Kalau *student* [pelajar] *tak* [tidak] *paham* [faham] kaedah *ni* [ini] kita pakai kaedah lain *pulak* [pula] kan sebab kita *dah* [sudah] biasa. Sebab saya *lapan puluh peratus* [80%] masa pengajaran tertumpu kepada *training* [latihan]. Mengajar universiti dalam *dua* [2] *tiga* [3] subjek *je* [sahaja], maknanya dalam *enam* [6] jam *lapan* [8] jam *gitu*

[begitu] bawah *sepuluh* [10] jam. Yang lain *tu* [itu] saya banyak tertumpu dengan *training* [latihan].

SS : Seperti yang tuan cakap tadi tentang pengalaman mengajar OKU [Orang Kelainan Upaya], dimanakah dan bilakah terlibat?

RAR : Itu semasa saya terlibat dalam program latihan keusahawanan la, *tak* [tidak] silap saya tahun *sembilan puluhan* [1990-an]. Kita waktu *tu* [itu] kementerian pembangunan usahawan dia ada satu program dibuat untuk kumpulan *OKU* [Orang Kelainan Upaya] dan jadi saya terlibat mengajar rancangan perniagaan. Saya mengajar kumpulan itu. Rancangan perniagaan. Oh, susah. Cuma memang masa *tu* [itu] dia susah senang bergantung kepada tempoh masa yang kita ada, *nak* [hendak] suruh pelajar *tu* [itu] *paham* [faham] dan mendalami memahami menghayati kandungan subjek *tu* [itu], masa memainkan peranan penting. Oleh kerana kita campuran kumpulan itu, kita mengajar perniagaan *ni* [ini] sampai 2 hari. Kalau pelajar sepenuh masa *ni* [ini] *dua* [2] jam *je* [sahaja]. Itu sebabnya kadang-kadang kemahiran yang saya miliki berasal kepada pengalaman bekerja *tu* [itu] ada benda yang benda yang sama kita cakap dalam *dua* [2] jam. Benda yang sama juga kita boleh cakap *tiga* [3] hari *tiga* [3] malam pun boleh. Jadi memerlukan kemahiran kan. Setengah orang mungkin kalau benda *tu* [itu] *dua* [2] jam, *dua* [2] jam cakap kalau suruh *tiga* [3] hari *tak* [tidak] boleh dia kan. Jadi mungkin kerana pengalaman bekerja *tu* [itu] membantu. Ha, itu kadang-kadang kita *mikir* [memikir] balik. Eh, seronok juga macam *ni* [ini].

SS : Baiklah kita akan teruskan ke sesi yang *ketiga* [ke-3] iaitu sumbangan, pencapaian dan anugerah. Pertama sekali apakah sumbangan tuan kepada

institusi UiTM [Universiti Teknologi MARA] ni [ini]?

RAR : Sumbangan yang paling besar ialah keupayaan saya melahirkan usahawan baru, sebab saya terlibat dengan latihan keusahawanan, saya ukur dari segi itu. Maknanya kalau kita buat latihan, pengajaran, pengurusan program, kalau misalnya *dua puluh* [20] orang masuk kursus, akhirnya *lima* [5] orang meniaga itu dikira kejayaan yang paling besar kan sebab mereka yang berniaga ini sudah tentu menggunakan input-input dalam pengeluaran produk mereka. Salah satu *input* [sumber] nya ia menggunakan tenaga manusia, *so* [jadi] maknanya mereka bukan sahaja bekerja untuk diri mereka tetapi membuka ruang pekerjaan kepada orang lain. Sumbangan yang lain kalau untuk pelajar-pelajar sepenuh masa ialah kita *transfer knowledge* [pindah pengetahuan] pada mereka lah jadi ada juga sesetengah pelajar saya yang keluar terjumpa bekerja itu bekerja ini ada berniaga jadi kita pun rasa ada keseronokan lah. Selain daripada *tu* [itu], saya mewakili pihak universiti di dalam *committee-committee* [jawatankuasa-jawatankuasa] di peringkat negara antara lainnya program pembangunan keusahawanan siswazah di peringkat kementerian, program pembangunan francais di peringkat Jabatan Perdana Menteri, jadi secara tidak langsung kita menyumbang dari sudut pembentukan polisi-polisi berkaitan dengan keusahawanan. Jadi secara *tak* [tidak] langsung kita menyumbang dari sudut pembentukan polisi-polisi negara dalam *contexts* [konteks] pembangunan keusahawanan dalam Malaysia lah. Jadi itu antara sumbangan besar lah.

SS : Adakah tuan pernah melibatkan diri dalam mana-mana projek mega yang dilakukan dalam UiTM [Universiti Teknologi MARA] ni?

RAR : Projek mega *tu* [itu] maksud dia apa ya?

SS : **Projek besar.**

RAR : Ya la projek besar tu macam mana? Dari segi nilai ke, dari segi bilangan penyertaan ke? Maksud mega *tu* [itu]?

SS : **Bilangan penyertaan.**

RAR : Sebab kalau misalnya- seperti saya katakan, saya terlibat dengan mengurus, dalam pengurusan, *design* [reka bentuk] kurikulum, pengajaran, penyelidikan, perundingan. Terbahagi kepada *lima* [5], *lima* [5] perkara. Jadi semua *tu* [itu] melibatkan pelajar universiti dan juga orang awam. Kalau dikaitkan dengan projek mega sebab saya tertumpu kepada aktiviti-aktiviti keusahawanan, *so* [jadi] mana yang mega yang berkaitan keusahawanan *tu* [itu] memang mungkin ada lah. Misalnya kita member latihan kepada pelajar-pelajar bidang keusahawanan supaya mereka *ni* [ini] terdedah dan akhirnya berminat dalam bidang *ni* [ini]. Diantaranya ialah macam sekarang *ni* [ini] terbaru *ni* [ini] kita buat ialah *Certified Financial Training* [Kelulusan Latihan Kewangan], selain daripada program pembudayaan. Dari sudut pengajaran di universiti *ni* [ini] antara projek besar yang saya terlibat saya rasa kita buat *T.O.T* untuk pengendali mata pelajaran *Fundamental of Entrepreneurship* [Asas Keusahawanan], dulu *ETR* [Entrepreneurship] sekarang ENT300. Jadi itu melibatkan seluruh sistem universiti, jadi boleh dikatakan sepanjang pengetahuan saya *nak* [hendak] mengajar *ETR* [Entrepreneurship] time tu *first time in the history of UiTM* [kali pertama dalam sejarah Universiti Teknologi MARA] kita mengendalikan program *T.O.T* sedangkan *ITM* [Institusi Teknologi MARA] sistem, mereka yang mengajar subjek-subjek itu tidak di bagi *T.O.T* masa tu *lapan puluh tujuh* [1987]

lapan puluh lapan [1988] *tu* [itu]. *So first time in the history* [Jadi, kali pertama dalam sejarah] (berdehem) subjek keusahawanan hendak diwajibkan kepada seluruh sistem. Jadi oleh kerana bilangan *staff* [kakitangan] kita di Shah Alam ada lebih kurang *dua puluh* [20] orang sedangkan subjek itu akan dilaksanakan di seluruh cawangan jadi kita mengambil keputusan membuat latihan. Kalau nanti *nak* [hendak] bandingkan kira mega, mega betul la *tu* [itu] sebab melibatkan semua sistem. Jadi kita jemput semua cawangan-cawangan pensyarah mereka kita latih. Jadi mereka menjadi ejen untuk mengajar keusahawanan di peringkat cawangan. Kemudian kita membuat pemantauan, kemudian kalau ada keperluan kita *upgrade skill* [tingkatkan kemahiran] mereka. *So* [Jadi] itu antara saya rasa projek mega yang betul-betul mega kalau *nak* [hendak] kira *tu* [itu]. (gelak) yang lain *tu* [itu] banyak-banyak berkaitan dengan bidang keusahawanan la. Kita buat seminar ke, kemudian dalam tahun *lapan puluh enam* [1986] masa *tu* [itu] kita terlibat dengan program keusahawanan siswazah. Waktu *tu* [itu] negara berhadapan dengan masalah pengangguran di kalangan siswazah pada tahun *lapan puluh tujuh* [1987], *lapan puluh lapan* [1988] *tu* [itu], *so* [jadi] kami terlibat merangka program keusahawanan siswazah. Itu bukan melibatkan *UiTM* [Universiti Teknologi MARA], melibatkan negara sebab kita bekerjasama dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam merangka program dan melaksana. Cuma kita tertumpu kepada pelajar-pelajar *UiTM* [Universiti Teknologi MARA]. Universiti yang lain, yang lain, *so* [jadi] setiap pihak dia akan buat satu modul dan diselaraskan. Macam kami tak silap hari *tu* [itu] kita buat *Entrepreneur Walkabout* [Kembara Keusahawanan] dengan *business plan of Malaysian* [pelan perniagaan orang Malaysia]. Item *tu* [itu] kita terlibat.

SS : Boleh tuan nyatakan, sedikit sebanyak program-program yang telah tuan uruskan?

PM : Program-program yang saya kendalikan kita boleh pecahkan kepada *tiga* [3] ataupun *empat* [4] utama lah. Pertama melibatkan program pendidikan keusahawanan, yang kedua ialah program pembudayaan keusahawanan, kemudian program yang *ketiga* [ke-3] ialah program pengwujudan keusahawanan dan yang *keempat* [ke-4] ialah program pembangunan keusahawanan. Jadi *empat* [4] program *tu* [itu] mensasarkan kumpulan yang berbeza-beza. Kalau program pendidikan keusahawanan, kita tertumpukan kepada memperkenalkan subjek sebahagian daripada subjek-subjek yang diambil pelajar- pelajar di peringkat sepenuh masa dan juga universiti di peringkat diploma ataupun di peringkat ijazah. Kalau program pembudayaan, dia melibatkan usaha-usaha untuk menjadikan keusahawanan sebagai budaya. Jadi yang *ni* [ini] melibatkan semua lapisan pelajar universiti daripada semester *satu* [1] sampai ke semester *enam* [6] atau *lapan* [8]. Kalau yang pendidikan keusahawanan, dia tertumpu kepada pelajar-pelajar semester tertentu kalau misalnya program subjek *Fundamental of Entrepreneurship* selalu nya semester *lima* [5] atau *enam* [6] iaitu tahun akhir pelajar di peringkat diploma. Ijazah juga di tahun akhir. Kemudian subjek kurikulum Kembara usahawan itu pelajar di semester *dua* [2] dan *tiga* [3]. Tapi misal dalam pembudayaan kita tidak had kan kepada semester *satu* [1] semester *dua* [2] umum. Sama juga dengan *Entrepreneur Operation* [Operasi Keusahawanan] cuma *Entrepreneur Operation* [Operasi Keusahawanan] *ni* [ini] kita lebih tertumpu kepada pelajar-pelajar tahun akhir sebab kita jangkakan mereka menamatkan pelajaran kemudian membuat keputusan untuk berniaga. Cuma sejak dalam setahun *dua* [2] *ni* [ini], kita mula mengubah sedikit sasaran

kita untuk program *creation* [penciptaan] *ni* [ini] bukan sahaja kepada pelajar-pelajar tahun akhir tetapi tahun awal tahun lagi semester *satu* [1]. Sebab kita di *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] Kelantan *ni* [ini], kita *nak* [hendak] galakkan pelajar berniaga sambil belajar. Kalau *dulu* [dahulu] belajar *dulu* [dahulu] baru boleh berniaga, sekarang alih sikit kita *nakkan* [hendakkan] pelajar-pelajar peringkat awal-awal *ni* [ini] biar belajar berniaga *so* [jadi] kita takrifkan terus sebagai *creation* [penciptaan] *tapi* [tetapi] tidaklah kata usaha, *skill* [kemahiran] yang besar kan. Macam sekarang *ni* [ini] *pun* [juga] kita kalau di *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] Kelantan *ni* [ini] kita galakkan pelajar-pelajar berniaga sambil belajar. Itu sebabnya kita *promote* [menggalakkan] *satu* [1] konsep kata di *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] *ni* [ini] “*Anywhere you can do business*”, “*Anybody can become entrepreneur*” [“Dimana sahaja anda boleh berniaga”, “Sesiapa sahaja boleh menjadi usahawan”] konsep.

SS : Seterusnya, apakah tuan haji [tuan] pernah menerima sebarang anugerah?

RAR : Kalau di peringkat *ITM* [Institusi Teknologi MARA] *tu* [itu] anugerah kecemerlangan, *kalu* [kalau] di peringkat negara mungkin--- Anugerah apa yang *ni* [ini]? Saya tengok anugerah penulisan (sambil menunjuk ke arah piala “The Best Author 2013” [Penulis Terbaik 2013] di atas meja). *Tapi* [Tetapi] saya rasa yang paling besar anugerah-anugerah di universiti *ni* [ini] ialah kenaikan pangkat sebab kalau bagi anugerah bagi sijil *tu* [itu] bagi sijil *ni* [ini] gaji *tak* [tidak] naik buat apa? Betul *tak* [tidak]? *So* [Jadi] biarlah berpadanan dengan pengiktirafan. Di bagi anugerah itu anugerah ini *tapi* [tetapi] sementara, kita *nak* [hendak] berkekalan. Kalau berkekalan naik pangkat? Walaupun tidak di nobatkan menang *tu* [itu] menang *ni* [ini] tapi naik pangkat *tu* [itu] naik pangkat *ni* [ini],

okay [baik] la *tu* [itu].

SS : Okay, baiklah. Kita akan teruskan dengan sesi terakhir kita iaitu dari segi pendapat. Pada pendapat tuan, apakah nilai-nilai yang perlu ada dalam setiap pelajar di *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] ini?

RAR : Nilai-nilai. Nilai-nilai yang setiap pelajar sewajarnya kena ada nilai-nilai bagaimana yang pihak *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] *warkan* [war-warkan] iaitu sahsiah diri, rupa diri pelajar *ni* [ini] yang dikaitkan dengan pembentukan diri sebagai warga universiti dan negara Malaysia *ni* [ini]. Jadi di antara perkara-perkara yang diberi penekanan dalam nilai-nilai yang dimaksudkan, ia berkaitan dengan penerapan unsur-unsur agama bagi yang beragama Islam lah. Kemudian, bagi mereka yang bukan beragama Islam, dikaitkan dengan rukunegara lah. Maknanya, nilai-nilai yang dikaitkan *lima* [5] prinsip negara, rukunegara *tu* [itu] tersemat dalam diri pelajar-pelajar kita. Dari segi kepercayaannya, kerormatan kepada perlembagaan negara, penghormatan antara sesama. Kemudian, unsur-unsur yang lain lah. Daripada pendapat saya, itu yang paling besar lah. Sebab ia dikaitkan dengan--- sebab nilai *ni* [ini] dikaitkan dengan perwatakan seseorang. Oleh kerana nilai yang dipegang mencerminkan pegangan dia, jadi mempengaruhi perwatakan kita. Jadi, kita hendakkan setiap pelajar kita mempunyai perwatakan yang boleh menyumbang secara positif kepada pembangunan umat dan negara. Jadi, ciri-ciri sangat umum. Antara lain, kepercayaan kepada agama, pegangan agama kepatuhan kepada peraturan-peraturan, hukum-hukum agama dan negara, hidup kemasyarakatan, hubungan antara sesama masyarakat, ahli-ahli masyarakat, hormat-menghormati, bekerja keras, kerja kuat, ketekunan, kesabaran, inovatif.

Itu dari semasa ke semasa nilai-nilai *tu* walaupun rukunegara *tu* [itu] sebut lima begitu umum, *tapi* [tetapi] *bila* [apabila] kita perincian dengan mendalam, maka dia menjurus kepada tuntutan-tuntutan semasa. Misal sekarang *ni* [ini], inovatif, kreatif, inovatif, nilai-nilai *tu* [itu] disematkan selain daripada jati diri sebagai warga negara. Kecintaan kepada negara, kepada bangsa, kepada agama. Ha, *tu* [itu] kena ada. Unsur-unsur *macam tu* [seperti itu] lah. Jadi sebenarnya, saya berpendapat dari segi pendidikan, walaupun kita mengajar subjek katakanlah seni, matematik lah misalnya atau pun ekonomi. Seolah-olah *macam* [seperti] *tak* [tidak] ada---____ kita kena serapkan, kerapkan nilai-nilai yang dikaitkan dengan pembentukan sahsiah diri, warga pelajar *ni* [ini]. Kita kena masuk. Walaupun dalam *syllabus* [sukatan pelajaran] *tak* [tidak] ada. Mungkin dalam bentuk latihan *ke* [kah], kerja kumpulan *ke* [kah], kandungan dalam kuliah, kita kena selit dari semasa ke semasa. Sebagai sebahagian daripada usaha kita untuk sama-sama menyumbang kepada pembentukan sahsiah rupa diri pelajar *ni* [ini].

SS : Pada pendapat dan pandangan tuan, bagaimana kita harus terapkan ciri-ciri *ni* [ini] dari segi keusahawanan.

RAR : Dia untuk menerapkan sesuatu perkara, pertama kita kena pelajar memahami. Yang kedua, pelajar-pelajar mesti mempraktik. Kalau setakat fahami, tetapi tidak ada ruang untuk mempraktik, dia mungkin nilai-nilai tersebut tidak tersemat. Dari segi memberi kefahaman, maka kaedah terbaik ialah melalui kuliah-kuliah, syarahan-syarahan, dan juga kita kena *signage-signage* [papan tanda-papan tanda]. Kena tampal notis-notis peringatan. Kemudian, dari segi praktiknya ialah mereka perlu mempraktikkan. *So* [Jadi], dari sudut

keusahawanan, kita mesti ada ruang yang mencukupi untuk pelajar-pelajar mempraktikkan aktiviti keusahawanan. Maknanya kita kena bagi ruang niaga, tempat-tempat perniagaan, menguruskan seperti aktiviti. Jadi semasa mereka mempraktikkan *tu* [itu] nilai-nilai itu kita kena semak dari segi kejujuran, misalnya. Adakah mereka jujur dalam membuat sesuatu perakuan, tuntutan? Itu terserlah. *Bila* [apabila] menjual barang, tidak ada penipuan. Meniaga dia *macam ni* [seperti ini], dia jual *macam ni* [seperti ini]. Jadi kita boleh tengok adakah diamalkan atau tidak. Hubungan antara sesama manusia. Bagaimana mereka berkomunikasi. Jadi, kita *nak* [hendak] kena ada ruang yang cukup. *Satu* [1], diberi kefahaman, dan yang *kedua* [ke-2], latihan. Baru lah kita boleh *monitor* [menyelia]. Jadi kita kena buat serentak. Dia *tak* [tidak] boleh berasingan.

SS : Pada pendapat tuan lagi, apakah pandangan tuan tentang sistem pengajaran di *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] berbanding di universiti-universiti yang lain?

RAR : Saya setakat *ni* [ini] *tak* [tidak] banyak pengetahuan di universiti yang lain bagaimana mereka mengamalkan. Cuma, pengalaman mengajar *part-time* [separuh masa] di beberapa universiti tempatan *ni* [ini], dapat lah sedikit bagi maklumat. Saya tengok pelajar-pelajar kita berbanding dengan pelajar-pelajar di universiti yang lain, dari segi kandungan pembelajaran. *Subject content* [Kandungan subjek] lah, boleh dikatakan pelajar kita diberi pendedahan yang lebih banyak. Saya percaya dari segi *credit hours* [jam kredit] pun saya rasa pelajar kita lebih tinggi daripada pelajar lain. Jadi, ini membolehkan pelajar-pelajar kita mendapat pengetahuan yang lebih besar, lebih banyak. Kemudian

yang kedua, dari segi- keberanian- pelajar-pelajar kita mengemukakan pendapat dan sebagainya. Saya tengok pelajar-pelajar kita *ni* [ini], mungkin dari segi pengajaran dia *tu* [itu] ada keperluan mereka *tu* [itu] kena *present* [menyampaikan] itu, *present* [menyampaikan] ini. Jadi, mereka *tu* [itu] dilatih untuk mahir berkomunikasi, berhadapan dengan orang. Cuma dari segi kelemahan kalau kita bandingkan pelajar universiti kita dengan pelajar dari universiti yang lain, pelajar kita *ni* [ini] lebih bersifat *spoonfeed* [suapan] berbanding dengan pelajar-pelajar universiti yang lain. Mungkin kerana kita bermula dengan melatih pelajar-pelajar di peringkat diploma. Jadi, pelajar-pelajar *ni* [ini] *umo* [umur] *enam belas* [16], *tujuh belas* [17] *ni* [ini] masih muda. Jadi, mungkin perlukan bimbingan yang banyak sedangkan di universiti dia mengambil banyak pelajar-pelajar di peringkat *STP* [Sijil Pelajaran Tinggi], *sembilan belas* [19], *dua puluh* [20] tahun lah atau mungkin lebih. Jadi, itu mungkin antara sebab lah. Walaubagaimanapun, kita boleh membuat--- kita ada *improvement* [penambahbaikan] lah. Supaya pelajar-pelajar kita *ni* [ini] lebih *self-centred* [pembelajaran sendiri] tidak, apa dia kata, lebih tidak menunggu, apa ni, *lecturer* [pensyarah] bagi semua kan. Mereka mesti ada inisiatif sendiri. So [Jadi], mungkin dari segi penilaian bentuk-bentuk *assignment* [tugasan], kita kena rombak. Supaya pelajar-pelajar *ni* [ini] perlu menyediakan, mencari sendiri bahan-bahan. Nota-nota *tu* [itu] kalau boleh kita jangan bagi sangat *kat* [dekat] dia. Biar dia cari sendiri. Kita bagi *assignment* [tugasan] *ke* [kah] yang berkaitan. Contoh secara *tak* [tidak] langsung kita boleh mengurangkan mereka *ni* [ini] pergantungan yang keterlaluan. Cuma bagusnya kita kalau kita bandingkan dengan orang lain, dari segi penilaian kita *final exam* [peperiksaan akhir] *ni* [ini] tidak tinggi. Paling tinggi pun, *lima puluh* [50%], *enam puluh*

[60%]. *Tapi* [Tetapi], sebahagian besarnya dia kira *progress* [kemajuan] *assessment* [penilaian]. Jadi, cara *ni* [ini] membolehkan kita *monitor* [menyeliah]. Saya ingat masa saya belajar di universiti *dulu* [dahulu], Universiti Malaya *dulu* [dahulu], mungkin sistem kami waktu *tu* [itu] tahun *lapan puluhan* [1980-an] berbeza. Boleh dikatakan kami *exam-oriented* [berorientasikan peperiksaan]. *Final exam* [Peperiksaan akhir] *hundred percent* [100%]. Macam saya *bila* [apabila] tengok *kat* [dekat] universiti *ni* [ini], *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] *ni* [ini], *lima puluh, enam puluh* [50%-60%] peratus paling tinggi. Setengah-setengah *dua puluh peratus* [20%] *je* [sahaja] *final exam* [peperiksaan akhir]. Jadi, penilaian kita *tu* [itu] lebih kepada aktiviti-aktiviti yang lain.

SS : Pada pandangan tuan, sejauh manakah peranan institusi *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] pada pelajar?

RAR : Peranan kita boleh dikatakan--- walaubagaimanapun dia tidak boleh diserahkan sepenuhnya kepada universiti dalam usaha untuk membentuk pelajar *ni* [ini]. Sebab pelajar berada di universiti bukan kata *seratus peratus* [100%] masanya, ada masa-masanya mereka berada di luar. Cuma setakat dalam tempoh belajar di universiti dia ikut kurikulum dan sebagainya lah. Walaubagaimanapun, pihak universiti dia boleh buat *networking* [rangkaian] dengan tempat lain, dengan industri dengan masyarakat sekitar dan juga dengan ibu bapa. Ibu bapa institusi keluarga *ni* [ini] tetap memainkan peranan penting kan cuma kadang-kadang *ni* [ini] masyarakat salah anggap *bila* [apabila] pelajar masuk universiti tu kerja universiti sedangkan universiti menjalankan beberapa tanggungjawab kan. Pihak

institusi keluarga tidak boleh tinggal *gitu* [begitu] *je* [sahaja] serahkan pada universiti. Sepatutnya institusi keluarga juga patut memainkan peranan; paling paling kurang memberi sokongan, memberi_ _ _ . Pihak universiti dia adalah kurikulum dia *content* [kandungan] yang perlu dipenuhi. Sama juga dengan pihak industri, itu sebabnya kalau *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] Kelantan khususnya *ni* [ini] ada *satu* [1] unit khusus Jaringan Industri yang juga bekerjasama dengan pihak universiti dan kemudian *bawak* [bawa] masuk ke universiti supaya pelajar-pelajar kita mendapat pengetahuan yang lebih terkini dan apa *ni* [ini]-realiti.

SS : Pada pendapat tuan juga, apakah penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh pihak *UiTM* [Universiti Teknologi MARA]?

RAR : Oh, penambahbaikan dari sudut pembentukan sahsiah diri pelajar *ni* [ini]? Atau macam mana *tu* [itu]?

SS : Dari segi pembelajaran dan_

RAR : Oh, pembelajaran dan pengajaran? *Okay* [Baiklah], penambahbaikan adalah kita kena lebih sensitif dengan tuntutan-tuntutan semasa dari segi industri misalnya pelajar-pelajar kita misalnya memerlukan kemahiran tertentu, pengetahuan-pengetahuan tertentu maka kita mesti segera mengubah kandungan mata pelajaran tertentu untuk membolehkan kita *accommodate* [menampung]- tuntutan-tuntutan industri ini. Cuma kadang-kadang sebab universiti *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] *ni* [ini] institusi yang besar, proses untuk mengubah sesuatu kurikulum itu mengambil masa. Walaubagaimanapun kita pihak *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] ini mungkin ada *avenue* [kesempatan] yang lain melalui program-

program modul. Program modul tu dia boleh masukkan. Sebab kalau subjek dia *nak* [hendak] ubah *tu* [itu] dalam masa singkat susah. *So* [Jadi] kita ambil contoh subjek keusahawanan ini di perkenalkan di universiti sejak tahun seawall-awal penubuhan universiti tahun--- penubuhan *MEDEC* [] tahun *sembilan belas tujuh puluh lima* [1975] tapi kita mengambil masa sehingga tahun *sembilan puluh* [1990] baru diwajibkan semua. Berapa lama *tu* [itu]? Sedangkan tahun *lapan puluhan* [80-an] lagi *dah* [sudah] isu tentang keusahawanan *ni* [ini] antara agenda penting. Sama juga dengan sekarang *ni* [ini] masyarakat pemimpin negara bercakap soal--- kreativiti inovasi. Kemahiran itu tidak semua fakulti ada, terapkan. Hanya beberapa fakulti yang kemukakan subjek ini. *So* [Jadi] mungkin itu di antara nilai tambah penambahbaikan yang kita boleh buat lah. Mana-mana yang tuntutan pasaran *IT knowledge* [pengetahuan teknologi maklumat]. Seseengah fakulti tidak menjadikan wajib cuma kadang-kadang dia sebut lah pengetahuan bidang *IT* [teknologi maklumat] tapi apa *content* [kandungan] industri hendak. *So* [Jadi] kita kena ada subjek-subjek macam *tu* [itu] yang mana kalau industri perlu kita kena *equip* [melengkapkan] pelajar kita. *Macam* [seperti] sekarang *ni* [ini] industri hendakkan kemahiran bahasa kedua. Itu kita buat, tapi kadang-kadang tidak mencukupi. Sebab kalau kita bandingkan dengan universiti-universiti lain mungkin mereka lebih *kedepan* [kehadapan] dari sudut itu terutama kalau *private* [swasta] universiti senang ubah sesuatu *content* [kandungan]. Kita *ambik* [ambil] masa dan daripada sokongan pihak atasan lah. Kalau betul ketua program *tu* [itu] kreatif jadi laju *kalo* [kalau] tidak *slow* [perlahan] lah.

SS : Baiklah yang terakhir sekali, apakah pesanan dan harapan yang boleh diberikan tuan kepada pelajar?

RAR : *Okay* [Baiklah] pesanan saya yang pertama ialah belajar bersungguh-sungguh lah. Universiti ialah *satu* [1] tempat dimana mereka boleh mengasah mendapat pengetahuan, pengalaman, mencari ilmu jadi ilmu boleh ditimba bukan sahaja berdasarkan kurikulum yang ada tapi ada juga yang *non-curriculum* [bukan kurikulum] aktiviti-aktiviti yang lain. Jadi universiti sebagai tapak untuk mereka menimba sebanyak mungkin pengetahuan dan pengalaman sebagai bekalan untuk mereka *bila* [apabila] mereka masuk ke dalam industri bekerja. Itu saya harapkan pelajar-pelajar *tu* [itu] mengambil kesempatan lah sebab peluang belajar bukan peluang yang sentiasa di bagi, ada orang itu satu-satunya peluang yang ada--- *tak* [tidak] ada lah peluang itu. Jadi manfaatkan segala peluang yang ada. Kemudian yang kedua ialah harapan saya, pelajar-pelajar *ni* [ini] boleh menyumbang kembali kepada pihak universiti. Pihak universiti memerlukan graduan yang keluar yang bekerja menimba pengetahuan, pengalaman sebagainya *tu* [itu] untuk dikongsi dengan junior-junior adik-adik mereka di universiti. Jadi kita *mintak* [minta] kerjasama kalau kita memohon bantuan, sokongan berilah dengan sepenuh hati kan sebab kita *pun* [juga] kadang-kadang menghadapi masalah macam *tu* [itu] juga. *Bila* [Apabila] kita *nak* [hendak] mendapatkan bantuan balik sokongan daripada pelajar-pelajar kita, kadang-kadang *tu* [itu] ada juga beberapa kerat, kadang-kadang kita rasa *frust* [kecewa] apabila mereka tidak kenal universiti ini sedangkan mereka belajar di sini. Mungkin mereka ada pengalaman pahit_ _ _ . Jadi itulah harapan saya, yang pertama manfaatkan masa belajar bila keluar nanti dapat member sumbangan kembali kepada universiti, ya kalau kita tengok universiti berjaya kita rasa *proud* [bangga]. *This is our university* [Ini adalah universiti kita].

SS : Baiklah, sampai di sini sahaja_ pada hari ini. Terima kasih saya ucapkan kepada tuan kerana sudi meluangkan masa untuk memenuhi keperluan subjek kami.

RAR : *Okay* [Baiklah]. (gangguan)

SENARAI SOALAN TEMURAMAH

1. Apakah nama penuh tuan?
2. Apakah nama timangan tuan?
3. Bilakah tuan dilahirkan?
4. Berapakah umur tuan sekarang?
5. Di manakah tuan dilahirkan?
6. Berapa lamakah tempoh tuan menetap di negeri Kelantan?
7. Apakah cita-cita tuan semasa kecil?
8. Sekiranya tuan kelapangan waktu, apakah yang Tuan lakukan?
9. Adakah tuan suka melancong?
10. Kebanyakan tempat yang di melancong, apakah destinasi yang paling tuan gemar?
11. Adakah terdapat mana-mana destinasi impian?
12. Boleh saya tahu apakah prinsip hidup tuan?
13. Siapakah idola tuan?
14. Siapakah nama penuh ayah tuan?
15. Apakah profession ayah tuan?
16. Siapakah nama penuh ibu tuan pula?
17. Apakah profession ibu tuan?
18. Adakah mereka masih lagi ada?
19. Di manakah ayah dan ibu tuan menetap sebelum ini?
20. Berapa ramaikah adik-beradik tuan?
21. Lelaki dan perempuan?
22. Bagaimana latar belakang pendidikan adik-beradik tTuan?
23. Di mana tuan mendapat pendidikan awal tuan?
24. Lanjutan selepas tamat belajar]?

25. Pada tahun berapakah tuan mengambil Sarjana Muda?
26. Adakah tuan sudah berumah tangga?
27. Siapakah nama isteri tuan?
28. Isteri tuan berasal daripada mana?
29. Latar belakang pendidikan isteri tuan?
30. Berbalik kepada anak tuan tadi, apakah pekerjaan mereka?
31. Bagaimana tuan membahagikan masa antara kerjaya dengan kehidupan berkeluarga?
32. Sebelum itu, umur anak-anak tuan?
33. Umur anak yang kedua?
34. Baiklah, kita akan teruskan ke sesi yang kedua iaitu kerjaya. Apakah pekerjaan awal tuan sebelum tuan berkhidmat di sini?
35. Sekiranya tuan tidak keberatan, boleh tuan kongsi berapa gaji yang di terima?
36. Apakah tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada tuan pada masa itu?
37. Adakah terdapat pengalaman pahit dan manis yang diperolehi oleh tuan?
38. Berapa lamakah tempoh perkhidmatan tuan?
39. Adakah terdapat pekerjaan lain?
40. Boleh saya tahu, apakah faktor tuan bekerja, berkhidmat semasa pekerjaan awal?
41. Apakah posisi awal yang dilantik kepada tuan semenjak bekerja di sini Universiti Teknologi MARA (UiTM)?
42. Kalau tidak keberatan, boleh tuan berkongsi gaji permulaan tuan?
43. Apakah senarai tugas yang ditugaskan kepada tuan?
44. Pernahkah tuan berkhidmat di cawangan lain?
45. Bolehkah tuan menceritakan dengan lebih lanjut penglibatan dan pengalaman selama bekerja di Sabah sana?
46. Apakah tuan lebih gemar berkhidmat di sini ataupun di cawangan yang terdahulu?

47. Apakah cabaran khusus yang dihadapi oleh tuan ketika berkhidmat di Universiti Teknologi MARA (UiTM)?
48. Dari segi pekerjaan apakah yang dinilai dalam kenaikan pangkat?
49. Dari segi pengalaman bersyarah, adakah terdapat mana-mana cabaran yang harus dihadapi tuan?
50. Boleh saya tahu, adakah tuan mengajar ijazah dengan diploma?
51. Seperti yang tuan cakap tadi tentang pengalaman mengajar *OKU* [Orang Kelainan Upaya], dimanakah dan bilakah terlibat?
52. Baiklah kita akan teruskan ke sesi yang ketiga iaitu sumbangan, pencapaian dan anugerah. Pertama sekali apakah sumbangan tuan kepada institusi Universiti Teknologi MARA (UiTM) ini?
53. Adakah tuan pernah melibatkan diri dalam mana-mana projek mega yang dilakukan dalam Universiti Teknologi MARA (UiTM)ni?
54. Bilangan penyertaan.
55. Boleh tuan nyatakan, sedikit sebanyak program-program yang telah tuan uruskan?
56. Seterusnya, apakah tuan pernah menerima sebarang anugerah?
57. Okay, baiklah. Kita akan teruskan dengan sesi terakhir kita iaitu dari segi pendapat. Pada pendapat tuan, apakah nilai-nilai yang perlu ada dalam setiap pelajar di Universiti Teknologi MARA (UiTM) ini?
58. Pada pendapat dan pandangan Tuan, bagaimana kita harus terapkan ciri-ciri ini dari segi keusahawanan.
59. Pada pendapat Tuan lagi, apakah pandangan Tuan tentang sistem pengajaran di Universiti Teknologi MARA (UiTM) berbanding di universiti-universiti yang lain?
60. Pada pandangan tuan, sejauh manakah peranan institusi Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada pelajar?

61. Pada pendapat tuan juga, apakah penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM)?
62. Dari segi pembelajaran dan_
63. Baiklah yang terakhir sekali, apakah pesanan dan harapan yang boleh diberikan tuan kepada pelajar?
64. Baiklah, sampai di sini sahaja sesi temubual pada hari ini. Terima kasih saya ucapkan kepada tuan kerana sudi meluangkan masa untuk memenuhi keperluan subjek kami.

LOG TEMUBUAL

MASA	PERKARA YANG DI BINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
1:48	Tempat Kelahiran	1) Kota Bharu, Kelantan 2) Selangor 3) Universiti Malaya
4:18	Latar belakang dan aktiviti masa lapang	1) Kuala Lumpur 2) Asia Tenggara 3) Mekah
6:22	Idola tokoh	1) Nabi Muhammad S.A.W
8:41	Latar belakang pendidikan	1) Sekolah Sultan Ismail I 2) Sekolah Padang Garo 3) Sekolah Menengah Sultan Ismail II 4) Sekolah Menengah Kota Bharu 5) Malaysia Entrepreneurship Development Center (MEDEC) 6) Malaysia Academy of Small and Medium Industry and Entrepreneurship Development (MASMED) 7) Shah Alam 8) Hawaii Pasific University
11:43	Kehidupan berumahtangga	1) Kota Bharu

		2) Universiti Malaya
15:45	Kehidupan selepas tamat belajar	1) Syarikat Pemaju Perumahan 2) Kemajuan Ekonomi Negeri Kelantan 3) Syarikat Maju Bangun Sendirian Berhad
26:33	Penglibatan di tempat lain	1) Sabah 2) Sarawak 3) Kota Kinabalu 4) Kuching, Sarawak
30:17	Cabaran bekerja	1) Universiti Teknologi M 2) Ekonomi
41:56	Sumbangan tokoh kepada Universiti Teknologi MARA Kelantan	1) Program Latihan Keusahawanan 2) Program Pembangunan Francais 3) Certified Financial Planning (Kelulusan Pengurusan Kewangan) 4) Program pembudayaan 5) Fundamental of Entrepreneurship 6) Entrepreneur Walkabout (Kembara Keusahawanan)
54:52	Pendapat dan nasihat tokoh	1) Rukunegara

INDEKS

A

anugerah, 25, 30, 42

B

berkhidmat, 1, 11, 15, 17, 19, 20, 41, 42, 49

E

ekonomi, 6, 16, 22, 31

G

graduan, 6, 8, 22, 38

H

Hawai, 8, 10, 44

I

idola, 4, 5, 40

industri, 11, 22, 35, 36, 38

K

Kelantan, 1, 2, 6, 7, 9, 11, 19, 29, 35, 40, 44, 45, 49

kreativiti, 16, 23, 36

kursus, 16, 20, 22, 26

M

MASMED, 7, 14, 44

mengajar, 3, 4, 14, 16, 17, 18, 20, 22, 23, 25, 27, 31, 33, 42

P

pendidikan, 6, 9, 15, 29, 31, 40, 41, 44

pengalaman, 1, 13, 18, 22, 25, 33, 38, 41, 42, 49

penyelidikan, 14, 16, 17, 18, 19, 21, 27

PhD, 9, 23

prinsip, 4, 13, 20, 31, 40

program, 14, 16, 17, 20, 23, 25, 26, 27, 29, 36, 42

S

sosiobudaya, 18

U

UiTM, 1, 7, 8, 11, 13, 14, 16, 17, 19, 20, 23, 25, 26, 27, 29, 31, 33, 35, 36, 41, 42, 43, 49

universiti, 2, 6, 8, 11, 21, 23, 26, 27, 29, 30, 31, 33, 35, 36, 38, 42

usahawan, 20, 22, 25, 26, 29

RUJUKAN

Roslan Bin Ab Rahim (wawancara, 3 Disember 2013). *Wawancara berkaitan pengalaman beliau sepanjang berkhidmat di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan.* Diwawancara oleh Shamsiah Binti Suaimi. Machang: Kelantan.

LAMPIRAN



